

Dadah RM9.5j dirampas di perak dalam 10 bulan

[FOTO EFFENDY RASHID/BH]



Ravi Chandran (tengah) menunjukkan heroin yang dirampas dalam kereta pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perak, semalam.

Dadah RM9.5j dirampas di Perak dalam 10 bulan

Ipoh: Seramai 6,802 individu ditahan kerana terlibat dalam kegiatan mengedar dan memiliki dadah di Perak dalam tempoh 10 bulan pertama tahun ini.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) negeri, Asisten Komisioner VR Ravi Chandran, berkata ia peningkatan seramai 990 orang berbanding 5,812 yang ditahan atas kesalahan sama antara Januari hingga Oktober tahun lalu.

118 dikenakan tindakan

Daripada jumlah yang ditahan tahun ini, katanya, seramai 118 individu dikenakan tindakan itu mengikut Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985.

"Mereka dikenal pasti perancang, pengedar dan pembiaya kewangan sindiket pengedaran dadah. Walaupun langkah penguatkuasaan ditingkatkan, masih banyak kegiatan dadah di beberapa kawasan di negeri ini," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau berkata, hasil penguatkuasaan berterusan di Perak, polis merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM9.5 juta sejak awal tahun ini hingga Oktober lalu.

"Ia meningkat RM8.14 juta atau 14 peratus berbanding hanya RM1.3 juta dalam tempoh sama tahun lalu. Polis juga menyita harta bernilai RM5.4 juta dalam tempoh Januari hingga Oktober lalu, berbanding RM7.8 juta bagi tempoh sama 2016," katanya.

Katanya, seorang lelaki 42 tahun dan isterinya 39 tahun, ditahan selepas polis menemui heroin seberat 1.8 kilogram (kg) bernilai RM45,400 dalam serbuan di depan rumah kedai di Bandar Seri Iskandar, Perak Tengah, jam 9.15 malam kelmarin.

Beliau berkata, lelaki yang bekerja sebagai pencuci kereta dan isterinya tidak bekerja ada seorang anak berusia dua bulan, ditahan dalam kereta selepas disyaki mengedar dadah sejak setahun lalu.

"Pemeriksaan dalam kereta menemui heroin seberat 1.8kg bernilai RM45,500 di tempat duduk pemandu. Kedua-dua suspek sedang menjalankan kegiatan pengedaran ketika serbuan dilakukan.

"Mereka negatif dadah selepas ujian air kencing. Polis menyita motosikal bernilai RM7,000 di rumah suspek di Pusing, Batu Gajah, selain wang dalam akaun RM13,690 dan merampas empat telefon bimbit," katanya.